



TS. BRIAN ISKANDAR ZULKARIM DILANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PR1MA YANG BAHARU

PETALING JAYA, 13 Februari 2026 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) mengumumkan pelantikan YBrs. Ts. Brian Iskandar Zulkarim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, berkuat kuasa 1 Januari 2026.

Ts. Brian Iskandar membawa pengalaman kepimpinan yang luas merentasi sektor korporat termasuk pembangunan hartanah, serta rekod pencapaian cemerlang dalam menerajui transformasi organisasi.

Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Bandar Malaysia Sdn. Bhd., sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Di bawah kepimpinan beliau, pembangunan Bandar Malaysia seluas 486 ekar berjaya dipacu, termasuk penyediaan dan kelulusan Pelan Induk Bandar Malaysia yang merangkumi pembangunan bercampur serta infrastruktur strategik dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM173 bilion.

Ts. Brian Iskandar turut berpengalaman menerajui syarikat senaraian awam sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Damansara Realty Berhad. Antara inisiatif utama yang diterajui beliau termasuk pembangunan Bandar Damansara Aliff di Johor dan Bandar Damansara Kuantan di Pahang.

Beliau juga pernah berkhidmat di Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat MAHB iaitu Urusan Teknologi Wawasan, serta sebagai Pengurus Besar Pengurusan Transformasi dan Pelaburan Luar Negara.

Ts. Brian Iskandar memiliki Ijazah Sarjana Eksekutif Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari University of Rhode Island, Amerika Syarikat. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1997 di New York sebagai jurutera mekanikal.

Pengerusi PR1MA, YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, berkata, “Pelantikan YBrs. Ts. Brian Iskandar mencerminkan komitmen PR1MA terhadap kesinambungan kepimpinan yang kukuh, stabil dan berfokuskan prestasi. Kami yakin beliau akan meneruskan momentum serta asas kukuh yang telah dibina sebelum ini, di samping memperkenalkan pendekatan baharu yang strategik, progresif dan selari dengan keperluan semasa industri perumahan serta aspirasi rakyat. PR1MA turut merakamkan penghargaan kepada YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff atas sumbangan signifikan beliau dalam memacu usaha penambahbaikan Perbadanan dan memperkukuh struktur operasi sepanjang menerajui PR1MA.”

Seiring dengan pelantikan Ts. Brian Iskandar selaku Ketua Pegawai Eksekutif, PR1MA komited untuk terus memperkukuh peranannya dalam meningkatkan penyampaian perumahan mampu milik, selaras dengan mandatnya sebagai agensi perumahan bagi kumpulan M40 di Malaysia.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013 702 9740)
Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +6013 444 1189)